

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HMA 101 Pengantar Bahasa Malaaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN  
DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan. Pembahagian markah untuk semua soalan adalah sama.

1. [ i] Berikan definisi setiap istilah di bawah:

- [a] linguistik deskriptif
- [b] morfologi
- [c] fonetik
- [d] sintaksis
- [e] semantik
- [f] pragmatik
- [g] psikolinguistik
- [h] sosiolinguistik
- [i] ketidakterbatasan (infiniti) bahasa

[ ii] Lukiskan rajah sistem saraf pusat dan tunjukkan lokasi korpus kalosum. Apakah korpus kalosum ini dan bagaimanakah ia berkait dengan fungsi pertuturan dan bahasa?

[20 markah]

...2/

2. [ i] Transkripsikan perkataan berikut berdasarkan sebutan bahasa Melayu Baku dengan menggunakan transkripsi fonetik.

- [a] ketidakpekaan       $\eta\zeta \quad \theta$
- [b] penyelewengan
- [c] perkhidmatan
- [d] keghairahan
- [e] terngiang-ngiang
- [f] menggelegak
- [g] terpemanai
- [h] syariah

[ ii] Pilih DUA daripada [a] hingga [d]. Kemudian jelaskan kedua-dua menggunakan contoh yang sesuai.

- [a] geseran dan letupan
- [b] vokal dan diftong
- [c] transkripsi fonemik dan transkripsi fonetik
- [d] fonetik artikulasi dan fonetik akustik

[20 marka]

3. [ i] Teliti data [a] hingga [j].

- [a] ketidakselesaan
- [b] penyambungan
- [c] DKW
- [d] kekuda
- [e] syurga
- [f] menempek

Mala

- [g] suntikan  
[h] telapak  
[i] tempayan  
[j] anai-anai



Jelaskan proses pembentukan kata dan tunjukkan morfem bebas dan morfem terikat yang terlibat dalam proses pembentukan kata ini dalam data [a] hingga [j].

[20 markah]

- [ i] Tunjukkan rumus struktur frasa dan rajah pohön untuk ayat berikut:

*Social Science Research Council* telah mengadakan persidangan pada tahun 1964 di University of California. (Ubah suai dari Noriah Mohamed, 1998, *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*: 1).

- [ ii] Teliti petikan berikut:

Beberapa aliran telah diperkembang di Amerika Syarikat pada penghujung tahun 1950-an dan pada awal tahun 1960-an yang memberikan lebih banyak tumpuan terhadap aspek variasi sosial.

20 markah

(Frank Parker, 1994, *Linguistik untuk Bukan Ahli Linguistik*: 161)

Huraikan proses pembentukan ayat dan tunjukkan ayat selapis yang terdapat dalam petikan di atas.

[20 markah]

5. [ i] Dalam Akmajian et al (1997), terdapat tiga teori makna - Teori Denotasi, Teori Mentalis, dan Teori Penggunaan. Dengan menggunakan contoh yang sesuai dari bahasa Malaysia baku, bincangkan ketaksaan berdasarkan DUA daripada tiga teori tersebut.

...4/

[ ii] Teliti senario berikut:

*Seorang pelajar universiti bertanya kepada seorang pensyarah yang pelajar ini belum pernah mengenali identitinya. Lokasi pertanyaan ini ialah di hadapan perpustakaan universiti tersebut.*

- Pelajar: Bang, boleh tunjukkan jalan ke C12?  
Pensyarah: Jalan terus dari sini, kemudian belok kanan. Bila nampak bangunan biru yang pertama, depan simpang tiga, sebelah kanan. Yang tulah C12.  
Pelajar: Terima kasih, Bang.  
Pensyarah: Sama-sama (*dalam hati*: Hai, bila pulak aku kahwin sah lagi dengan kakak dia).

Berdasarkan senario di atas, jelaskan penggunaan bentuk panggilan formal dan tidak formal melalui kata ganti bahasa Melayu antara seorang pensyarah dengan seorang pelajar.

[20 marka]

--oo000oo--